

# Kesedaran pentingnya kebersihan pantai

Lebih 100 sukarelawan jayakan Hari Pembersihan Pantai Antarabangsa 2019 di Kg Kebagu Manggatal

UB 25-9-2019 7

Oleh Siti Aisyah Narudin

**SEMPENA** dengan Hari Pembersihan Pantai Antarabangsa 2019 yang dijalankan secara serentak di seluruh Malaysia, lebih 100 sukarelawan menjayakan aktiviti membersihkan kawasan pantai di Kampung Kebagu Manggatal Kota Kinabalu pada 21 September lepas.

Program yang dianjurkan buat kali kedua itu dijalankan di bawah Projek 'Sustaining Kota Kinabalu's Marine Heritage' iaitu susulan daripada Program Konservasi Marin.

Sutera Harbour Resort bersama Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan program berkenaan buat julung kalinya pada Ogos tahun lepas.

Penyelaras Program Pembersihan Pantai bagi Projek Sustaining Kota Kinabalu's Marine Heritage Dr. Chen Cheng Ann berkata, bagi pembersihan pantai kali ini, pihak pengajur turut berkolaborasi dengan Reef Check Malaysia dan dibantu oleh Spectrum Miracle Sdn Bhd yang menaja beg plastik sampah biodegradasi.

"Masalah pembuangan



**BERSIH PANTAI:** Pengajur dan sukarelawan bergambar bersama selepas mengumpulkan sampah sempena program pembersihan pantai di Kampung Kebagu, Manggatal.



HERMAN



JUNAENAH

sampah sememangnya tidak dapat dielakkan dan ia adalah masalah global yang harus ditangani secara menyeluruh oleh semua pihak.

"Apabila kerja-kerja pembersihan dijalankan, sampah baharu tetap ada keesokan harinya."

"Namun, tidak bermakna usaha ini tidak memberi kesan yang signifikan serta membantu menyelamatkan habitat haiwan marin dan alam sekitar," katanya ketika ditemui semasa program itu.

Chen yang juga Ketua Program Sains Marin Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS berkata, program pembersihan pantai amat penting dalam memberi kesedaran kepada sukarelawan yang terlibat agar orang ramai memandang serius masalah sampah.

Pengurus Program Reef Check Malaysia Nadhirah Mohd. Rifai berkata, Hari Pembersihan Pantai Antarabangsa memberi peluang kepada orang ramai untuk memberi sumbangan dalam usaha konservasi marin.

Katanya, program bersama Sutera Harbour Resort dan UMS itu bukan sahaja untuk membersihkan kawasan pantai. Tetapi turut bertujuan mengklasifikasi dan menganalisa sampah bagi pengumpulan data.

Menurutnya, langkah itu amat penting bagi memastikan kaedah pengurusan pembuangan sampah dilaksanakan dengan betul.

Sementara itu, salah seorang sukarelawan program itu yang juga Pengarah Institut Pengajian Borneo (IPB) Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF) Prof. Dr.

terutama kawasan pantai seperti Kampung Kebagu yang menjadi lokasi pembersihan pantai.

Seorang lagi sukarelawan iaitu Ketua Bahagian Operasi Riverbug Herman Usman, 36, berkata, perubahan-sikap perlu ada bagi memberi impak yang mampu dalam melaksanakan usaha itu.

Katanya, program pembersihan tidak akan memberi perubahan yang ketara sekiranya setiap individu tidak mahu mengubah cara kehidupan mereka dengan membuang sampah di tempat yang sepatutnya.

"Orang ramai harus sedar kawasan pantai kita adalah tempat pelancongan dan sampah di pantai tentunya akan memberi impak sedikit sebanyak seterusnya menjadikan ekonomi pelancongan negara," jelasnya.

Selain penduduk Kampung Kebagu Manggatal, sukarelawan yang terlibat termasuklah pelajar dan pensyarah IPMB UMS, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, UCSF, kakitangan Sutera Harbour Resort, dan Traverse Tours Sdn. Bhd.

Pada program itu, sebanyak 858.7 kilogram sampah berjaya dikutip dan kebanyakannya adalah botol plastik iaitu sebanyak 11,813 botol.

Junaenah Sulehan berkata, isu pembuangan sampah tidak pernah akan berakhir.

"Isu ini datang dari diri kita sendiri dan jika kita tiada kesedaran, ia susah untuk ditangani. Program pembersihan ini kita lakukan setiap tahun dan sekarang ia banyak dilaksanakan setiap bulan."

"Masalah sampah adalah masalah global dan sudah tiba masanya kita melihat perkara ini secara serius," katanya.

Beliau berkata, mungkin negara ini boleh merujuk kepada negara-negara seperti Scandinavia dan Jepun yang

menerapkan nilai-nilai murni dan rasa bertanggungjawab terhadap alam sekitar sejak dari kecil lagi kepada rakyat mereka.

Bagi Mohd Arsy Ardy, 29, yang juga Pensyarah Fakulti Pengurusan Hotel Dan Pelancongan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, program pembersihan pantai sebenarnya sangat baik bukan sahaja kepada pelajar malahan orang awam.

Menurutnya, menerusi aktiviti itu, ia memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk menjaga kebersihan



MOHD ARSY



**SUKARELAWAN:** Para sukarelawan menjalankan aktiviti mengutip sampah di pantai berkenaan.



**SAMPAH:** Botol plastik antara sampah yang paling banyak dikumpulkan di kawasan pantai itu.

